



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PELUASAN SISTEM *e-APPELLATE* BAGI KES MAHKAMAH PERSEKUTUAN  
DAN MAHKAMAH RAYUAN YANG BERSIDANG DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Bermula bulan Januari 2020 yang lalu, Badan Kehakiman Malaysia telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan sistem *e-Appellate* bagi kes-kes Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan yang bersidang di Sabah dan Sarawak.

Sistem *e-Appellate* merupakan pendengaran kes yang dijalankan dengan merujuk kepada salinan digital (*soft copy*) dokumen-dokumen Mahkamah dan pihak-pihak seperti mana yang telah difailkan melalui sistem e-filing (EFS).

Sistem *e-Appellate* telah digunakan secara rintis di Mahkamah di Semenanjung Malaysia semasa persidangan Mahkamah Persekutuan di Istana Kehakiman, Putrajaya pada 9 Jun 2020 yang mendengar kes rayuan jenayah yang mencabar keberlembagaan hukuman gantung sampai mati di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Seksyen 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234].

Sehubungan itu, Badan Kehakiman Malaysia akan memperluas penggunaan sistem *e-Appellate* bagi kes-kes di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan yang bersidang di Semenanjung Malaysia.

Peluasan sistem *e-Appellate* ini merangkumi pendengaran kes rayuan sivil dan permohonan kebenaran merayu selain daripada pendengaran kes rayuan jenayah. Walau bagaimanapun, pengecualian penggunaan sistem ini akan diberikan kepada pihak-pihak yang tidak diwakili oleh peguam (*self-represented litigant*).

Peluasan sistem ini akan bermula di Semenanjung Malaysia pada 3 Ogos 2020 bagi persidangan di Mahkamah Persekutuan dan 17 Ogos 2020 bagi persidangan di Mahkamah Rayuan.

Peluasan ini dibuat selaras dengan amanat YAA Tan Sri Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara semasa Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2020, sebagai salah satu usaha penambahbaikan substantif bagi jentera kehakiman (*substantive improvements to the judicial machinery*) yang memberi penekanan kepada penggunaan teknologi dalam pendengaran kes, selain daripada memelihara ekosistem dengan mengurangkan penggunaan kertas dan sekali gus memastikan masyarakat memperoleh akses kepada keadilan.

Garis Panduan dan Video Pelaksanaan Sistem e-Appellate di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan Malaysia boleh dilayari di portal rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia di [www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my) dan akaun sosial media YouTube Badan Kehakiman Malaysia.

Terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

**Tarikh: 30 Julai 2020**